

TRAGEDI MH370



Keputusan berikutan usaha mencari dan menyelamatkan masih diteruskan

Oleh Hayati Ibrahim, Siti A'isyah Sukaimi dan Ainul Fatihah Mansor

am@hmetro.com.my

Putrajaya

Muzakarah Khas Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia memutuskan solat ghaib untuk penumpang dan anak kapal pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang beragama Islam tidak diperlukan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin berkata, ia berikutan usaha mencari dan menyelamatkan masih diteruskan termasuk mengesan kotak hitam selain mayat, jenazah dan sebagainya.

Menurutnya, muzakarah juga memutuskan penumpang MH370 adalah kategori mafqud atau orang hilang hingga usaha mencari dimuktamadkan serta disabit-



DR Abd Shukor (dua dari kanan) berbincang selepas mesyuarat Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan di Putrajaya, malam tadi.

Tak perlu solat ghaib

kan kematiannya oleh Mahkamah Syariah.

“Jika dalam pencarian itu menemui mayat atau sebahagian mayat atau cebisan daging dan sebagainya, waktu itu wajib kita melaksanakan dan menguruskan jenazah sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

“Sekiranya penumpang itu bukan semua beragama Islam dan terdapat penumpang bukan Islam, jika menemui jenazah atau seba-

gainya tetapi tidak dapat dibezakan, hendaklah dilakukan semuanya seperti kita melaksanakan jenazah Islam,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan muzakarah itu di sini, semalam.

Abd Shukor berkata, solat ditunaikan itu perlu diniatkan untuk penumpang dan anak kapal yang beragama Islam saja.

“Sekiranya pihak berkenaan hanya menjumpai cebisan dan ia tidak boleh di-

kenali, wajib ia dikumpulkan semua dan diuruskan seperti jenazah Islam.

“Bagaimanapun, solat yang dilakukan hendaklah diniatkan untuk penumpang dan anak kapal beragama Islam saja,” katanya.

Beliau berkata, apabila disabitkan kematian oleh mahkamah, hukum lain seperti pemansuhan perkahwinan, pembahagian harta dan kepentingan lain bagi waris dan sebagainya boleh dilakukan dan dibuat di

Mahkamah Syariah atau majlis agama atau pihak berkuasa.

“Kita berpendapat orang Islam yang berada dalam tragedi itu meninggal dunia yang dikategorikan sebagai syahid akhirat.

“Kita berpendapat amalan lain seperti solat hajat dan lain-lain dibolehkan dan digalakkan untuk mendoakan semoga Allah menunjukkan apa yang kita cari serta dimudahkan,” katanya.